SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
5 November 2026

Guthrie di Landasan Tepat untuk Mencatat Prestasi Kukuh bagi Tahun Kewangan 2026

- Untung bersih meningkat 16% kepada RM2.3 bilion bagi sembilan bulan pertama 2026
- Sumbangan kukuh daripada segmen Huluan, Pertengahan, dan Pembangunan Perindustrian

---

Petaling Jaya, 5 November 2026 – Guthrie merekodkan keuntungan bersih melebihi RM2.3 bilion bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2026 (9M FY2026), iaitu peningkatan sebanyak 16% dari tahun ke tahun (YoY). Kumpulan tersebut kekal berada di landasan yang tepat untuk mencatat prestasi kukuh bagi tahun ini, didorong oleh peningkatan sumbangan keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) daripada segmen Huluan, Pertengahan (*Midstream*) dan Pembangunan Perindustriannya.

Bagi suku ketiga berakhir 30 September 2026 (3Q FY2026), Guthrie merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM773 juta. Pengeluaran buah tandan segar (FFB) Kumpulan tersebut meningkat 8% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Pada masa yang sama, harga purata direalisasikan bagi minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK) masing-masing meningkat 3% dan 7% kepada RM4,340 dan RM3,342 bagi setiap tan metrik.

Prestasi Guthrie turut dipacu oleh momentum kukuh dalam segmen Pembangunan Perindustrian yang mencatatkan PBIT sebanyak RM770 juta bagi sembilan bulan pertama tahun ini, iaitu peningkatan 78% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Disokong bank tanah strategik serta portfolio pembangunan perindustrian Kumpulan tersebut yang semakin berkembang, segmen ini kini muncul sebagai sumber jangka panjang yang memperkukuh lagi daya tahan pendapatan Guthrie.

Sorotan Utama

	3Q FY2026	3Q FY2025	YoY +/(-)	9M FY2026	9M FY2025	YoY +/(-)
Hasil (RM juta)	5,393	5,411	(0.3)%	15,026	15,397	(2)%
PBIT (RM juta)	1,134	1,264	(10)%	3,254	2,886	13%
Untung Bersih (RM juta)	773	935	(17)%	2,320	2,007	16%
Harga MSM Direalisasikan (RM/ TM)	4,340	4,210	3%	4,259	4,292	(1)%
Harga PK Direalisasikan (RM/ TM)	3,342	3,125	7%	3,299	3,226	2%
Pengeluaran FFB (juta TM)	2.48	2.30	8%	6.68	6.59	1%
Kadar Perahan Minyak (OER) (%)	21.23	21.08	0.15pp	21.25	21.15	0.10pp

Bagi memberi penjelasan yang lebih telus berhubung pendapatan Kumpulan tersebut serta rantaian nilai bersepadunya, Guthrie telah melaporkan prestasi perniagaan Pertengahan dan Hilirannya sebagai dua segmen yang berasingan bermula FY2026. Segmen Pertengahan merangkumi aktiviti pengagregatan minyak, pemprosesan pukal MSM dan penghancuran PK, manakala segmen Hiliran memberi tumpuan kepada pengeluaran dan penjualan minyak dan lemak ditapis, serta produk oleokimia. Di bawah struktur baharu ini, segmen Pertengahan dan Hiliran masing-masing mencatatkan PBIT sebanyak RM286 juta dan RM59 juta bagi 9M FY2026. Kedua-dua segmen akan terus beroperasi di bawah jenama SD Guthrie International merangkumi operasi di Asia Pasifik, Eropah, Afrika dan Amerika.

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani berkata:

"Prestasi pendapatan Guthrie yang kukuh dan berterusan setakat tahun ini didorong oleh pelaksanaan berdisiplin merentasi seluruh operasi perniagaan global kami. Saya percaya, strategi, visi dan keupayaan kepimpinan baharu syarikat ini akan terus memacu pertumbuhan Kumpulan dan mencipta nilai kepada para pemegang saham kami."

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Mohd Haris Mohd Arshad berkata:

"Guthrie telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang kukuh, didorong oleh peningkatan pengeluaran, harga komoditi berdaya tahan serta peningkatan sumbangan daripada segmen Pembangunan Perindustrian yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan Kumpulan kami. Walaupun perniagaan perladangan kekal sebagai teras strategi keseluruhan Guthrie, kami akan memberi tumpuan kepada pembinaan sumber pendapatan yang melengkapi dan membantu dalam memacu pertumbuhan dan daya tahan pendapatan, mencipta nilai mampan untuk jangka panjang serta memperkuatkan kedudukan Kumpulan sebagai sebuah syarikat agribisnes global."

Prospek FY2026

Harga MSM dijangka kekal berdaya tahan, dengan potensi peningkatan berterusan sehingga 2027. Walaupun sentimen pasaran dalam tempoh terdekat mungkin terjejas oleh paras inventori yang tinggi dan permintaan eksport yang lebih perlahan, penurunan pengeluaran bermusim dijangka mengurangkan inventori secara beransur, sekali gus menyokong persekitaran harga yang lebih positif. Permintaan dalam pasaran terus disokong oleh mandat biodiesel B50 Indonesia, manakala harga minyak mentah yang tinggi dijangka memberi sokongan tambahan dalam keadaan ketidaktentuan geopolitik. Perkembangan El Niño kekal sebagai risiko utama dari sudut bekalan berikutan kemungkinan kesannya terhadap hasil perladangan dan bekalan minyak sawit pada masa hadapan.

Sehubungan itu, Guthrie kekal memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan produktiviti dan daya tahan terhadap perubahan iklim dalam perniagaan Huluannya. Kumpulan tersebut akan memperkukuh fokus terhadap segmen Pertengahan sebagai penghubung strategik antara operasi Huluan dan Hiliran bagi mempertingkatkan pengagregatan minyak, integrasi rantaian bekalan serta jaminan bekalan bahan mentah. Bagi memperkukuh daya saing dalam keadaan pasaran yang mencabar, perniagaan Hiliran akan terus membangunkan portfolio yang kompetitif, di samping meningkatkan kecekapan operasi. Pada masa yang sama, pencapaian penting yang telah diumumkan bagi segmen Pembangunan Perindustrian dan

Tenaga Boleh Baharu mengukuhkan komitmen Kumpulan untuk terus mengembangkan kedua-dua perniagaan tersebut yang dijangka memberi sumbangan yang besar kepada kepelbagaian pendapatan serta penciptaan nilai jangka panjang.

Melangkah ke hadapan, Guthrie kekal positif terhadap prospek FY2026, disokong oleh model perniagaannya yang bersepadu dan berdaya tahan, pelaksanaan berdisiplin serta sumbangan yang semakin meningkat daripada inisiatif kepelbagaian perniagaannya. Kumpulan tersebut akan terus mengekalkan disiplin dan keanjalan operasi dalam mengharungi perubahan keadaan pasaran serta risiko berkaitan cuaca.

Mengenai Guthrie

Guthrie ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja hampir 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian “Beyond Zero”, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM42.32 bilion (USD10.82 bilion) setakat 4 November 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
  Tel: +6016-326 8373| E-mail: michael.murty@sdguthrie.com

- **Nur Yee Jie Min, Komunikasi Strategik**
  Tel: +6012-355 1885 | E-mail: yee.jie.min@sdguthrie.com